



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**10 Februari 2023  
19 Rejab 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Kadar PLKS kru nelayan asing kini Rm320 seorang
The Star (Starmetro)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			4	10.02.2023

## Kadar PLKS kru nelayan asing kini RM320 seorang

**Kuala Lumpur:** Kadar bayaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi kru nelayan asing dikurangkan kepada RM320 seorang untuk sektor pertanian bagi tempoh enam bulan pertama berbanding RM1,850 seorang bagi sektor perkhidmatan untuk setahun sebelum ini.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam satu kenyataan semalam memaklumkan ia antara usaha kerajaan melalui kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Mafs), Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia serta pihaknya untuk membantu pengusaha vesel perikanan tempatan dalam pelaksanaan PLKS kru nelayan asing.

Kenyataan itu menyebut kelayakan had umur nelayan asing ditetapkan hingga 60 tahun bagi permohonan kali pertama masuk ke dalam

negara yang mana pengecualian ini diberi khusus kepada sektor perikanan tangkapan.

"Mafs mengunjurkan keperluan kru nelayan asing bagi 2023 (suku pertama) di Semenanjung Malaysia adalah sekitar 17,486 orang. Sehingga kini, 10,063 kru nelayan asing lulus PLKS.

"Secara keseluruhan, keperluan kru nelayan asing di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan adalah 24,549. Kelulusan pengajian nelayan asing tertakluk kepada Seksyen 60K Akta Kerja 1955," menurut kenyataan itu.

Kru nelayan asing diwajibkan memiliki PLKS sepenuhnya pada 1 Januari tahun lalu selaras pewartaan Perintah Pasport (Pengecualian) (No 2) (Pindaan) 2021 dan Perintah Imigresen (Pengecualian) (Pindaan) 2021 pada 28 Mei 2021.

**Kelayakan had umur nelayan asing ditetapkan hingga 60 tahun**